

BAB 3

ISLAM DI INDIA DAN INTERAKSI DENGAN AGAMA-AGAMA LAIN

Secara umum, interaksi bermaksud hubungan, pertemuan dan komunikasi yang berlaku antara kelompok, masyarakat dan seterusnya negara. Ini bermakna interaksi agama bukanlah merujuk kepada interaksi antara agama itu sendiri tetapi secara realiti merujuk kepada interaksi antara individu atau masyarakat yang mana individu atau masyarakat tersebut mewakili sesuatu agama. Persoalan mengenai interaksi antara Islam dan agama-agama lain menjadi sangat penting terutamanya dalam melibatkan cabaran-cabaran yang terpaksa dihadapi oleh agama ini dalam era kontemporari. Interaksi yang wujud ini akan secara langsung menunjukkan kedudukan sebenar Islam dalam konteks peradaban India kontemporari.

Ramai menganggap bahawa agama adalah satu sistem yang tertutup. Dari satu segi ia memang benar kerana terdapat agama yang unik yang dapat dipraktikkan oleh satu bangsa sahaja, contohnya Shinto (Jepun). Namun terdapat juga unsur kesejagatan seperti Hinduisme dan Buddhisme.⁸¹ Perkara ini akan dibincangkan secara terperinci dalam bab ini.

⁸¹ [Http://midc.upm.edu.my/tamadun_asia/nota_kuliah?kuliah4, hlm.2](http://midc.upm.edu.my/tamadun_asia/nota_kuliah?kuliah4, hlm.2).

Perkembangan sejarah India menunjukkan wujudnya zaman-zaman yang berbeza seperti Zaman Hindu, Zaman Islam, Zaman British dan sebagainya. Zaman-zaman ini telah secara langsung membawa perubahan kepada kehidupan dan kemunculan budaya, tradisi, agama, falsafah, bahasa idea dan sistem baru. Semua ini membentuk satu masyarakat yang berbilang budaya, agama dan kumpulan etnik di samping terdapat perbezaan berdasarkan kasta, kawasan dan bahasa yang masing-masing membuka ruang dan peluang bagi pembahagian masyarakat.⁸²

Selain itu India menyaksikan kedatangan agama Islam dengan tradisi kepercayaan amalan yang tersendiri. Namun selepas agama Islam ini disebarluaskan di India Utara, ia berinteraksi dan wujud bersama dengan kepercayaan dan amalan Hindu dan orang India menerimanya dengan semangat dan minda yang membenarkan perbezaan dan kontradiksi. Ini jelas di mana dalam tahap awal masyarakat India yang memeluk agama Islam masih mengekalkan pandangan, unsur dan amalan Hindu walaupun telah memeluk Islam. Misalnya prasangka-prasangka kasta, ketidakbenaran perkahwinan semula baru dan amalan upacara diteruskan.

⁸² G. Sivapalan, , M. Rajenthaler & R. Rajakrishnan, “Tamadun India” dlm **Tamadun Islam dan Tamadun Asia**, hlm 282.

Politik.

Hubungan orang-orang Arab dan India sebelum kedatangan Islam memang sudah terjalin baik, terutamanya dalam hubungan ini berbentuk perdagangan. Hampir keseluruhan pantai barat India menjadi tempat berlabuhnya kapal-kapal Arab yang hendak belayar ke China, Asia Timur dan Asia Tenggara. Penyebaran agama Islam di India terdiri daripada pelbagai cara. Pada peringkat awal ia dijalankan melalui perdagangan. Selain itu, perperangan juga dijalankan. Tokoh yang memainkan peranan penting dalam penyebaran Islam ialah Muhammad al-Qasim. Ini telah membawa kepada kemunculan beberapa kerajaan Islam iaitu Kerajaan Ghaznawi, (997-1150M), Kerajaan Ghori (1155-1206M), Kesultanan Delhi (1206-1351M) dan Kerajaan Mughal (1526-1857).⁸³

Selain itu, semasa pemerintahan Akbar (1565-1605) beliau telah menyatukan India. Dalam pemerintahannya telah diadakan jawatan menteri-menteri (wazir), Perdana Menteri (wakil) jawatan tersebut bukan berdasarkan agama tetapi sama rata. Ini dapat dilihat di mana bangsawan-bangsawan Hindu dibenarkan memegang jawatan dalam kerajaan.⁸⁴ Penasihat-penasihatnya terdiri daripada kalangan orang –orang Islam dan Hindu.

Hubungan interaksi yang baik ini dapat dilihat dalam pemerintahan kerajaan Turko-Afghan yang mendirikan kesultanan Delhi. Mereka melantik pegawai berdasarkan kebolehan dan bukan agama. Ini mewujudkan hubungan erat

⁸³ Azhar Hj. Md Arus, **Titas 1**, hlm 55.

⁸⁴ Prof. Dr. Hamka, **Sejarah Umat Islam**, hlm. 509-511.

antara masyarakat Islam dengan masyarakat Hindu. Contohnya zaman pemerintahan Alauddin Hussain Syah (1493-1513) telah melantik orang Hindu dalam kerajaan.

Kehidupan harmoni yang wujud hasil interaksi dapat dilihat dalam aspek pentadbiran. Semasa kesultanan Delhi, ramai pegawai-pegawai kerajaan dilantik daripada penganut-penganut Hindu. Contohnya Medini Rai yang dilantik menjadi pegawai tinggi di Malwa, sementara beberapa tokoh lain seperti Puranda dan Sanatan telah dilantik di pelbagai jawatan di Bengal. Begitu juga kerajaan-kerajaan Hindu telah melantik orang-orang Islam menjadi pegawai mereka, contohnya Raja Deva Raja II dari kerajaan Vijayanagar yang melantik orang Islam menjadi pegawainya.⁸⁵

Interaksi politik boleh dilihat di sini ialah melalui perkahwinan. Akbar telah menggalakkan perkahwinan campur antara orang Islam dengan Hindu dan beliau sendiri telah meminang puteri-puteri Hindu untuk dikahwinkan dengan putera-puteranya.⁸⁶ Ia jelas pada zaman Akbar di mana beliau sendiri berkahwin dengan Puteri Raja Rajput yang beragama Hindu bagi mengekalkan hubungan baik dengan kerajaan Hindu. Selain itu beliau juga telah menghapuskan pembakaran janda yang kematian suami yang beragama Hindu.⁸⁷

⁸⁵ Azhar Hj. Md Arus, (et.al), **Titas 1**, hlm 57-58.

⁸⁶ Ibid., hlm 56.

⁸⁷ Richard C. Bush, **The Religious World Community of Faith**, Macmillan Publishing Company, New York, 1993, hlm 108.

Akbar bercita-cita untuk menyatupadukan rakyat India yang terdiri daripada pelbagai bangsa, agama dan kebudayaan. Bagi mewujudkan satu ikatan yang kuat dalam daerah-daerah jajahannya, baginda menggalakkan perkahwinan politik antara putera-putera dengan kerabat diraja Hindu. Baginda sendiri berkahwin dengan puteri Raja Bhagwan Das. Sementara itu puteri Raja Marwar dikahwinkan dengan puteranya Jahanghir. Bagi baginda, agama bukan menjadi pemisah antara kelompok masyarakat terbesar di India iaitu orang Islam dan orang-orang Hindu.⁸⁸

Kedatangan British ke India telah memperkenalkan sistem tuan tanah yang mengikut rentak British. Bagi mereka India merupakan sebahagian daripada tanah yang dimikili oleh English India Company (EIC). Ini jelas dengan penyerahan India oleh EIC kepada British yang mana syarikat ini dibayar dengan pampasan yang tinggi. Dengan penyerahan ini pemerintah British telah menjadi tuan tanah kepada negara British itu sendiri. Jadi mereka yang penduduk tetap di India dianggap sebagai penyewa dan dipaksa membayar sewa dan cukai kepada British.

Sistem pemerintahan British telah membentuk satu kelas baru. Ia terdiri daripada pemilik tanah dan putera raja dan dibawahnya terdiri daripada sebahagian besar pegawai perkhidmatan yang terdiri dari pelbagai bahagian dalam kerajaan dari *Patwari* (penghulu kampung) dan ke atas. Di atas tuan tanah

⁸⁸ Azhar Hj. Md Arus,(et.al), **Titas 1**, hlm 42.

terdapat pengutip cukai atau majistret yang bertindak sebagai pegawai tadbir yang merupakan agen British.⁸⁹

Selepas kemerdekaan India, didapati bahawa tidak berlaku interaksi yang harmoni dalam peradaban India. Dari tahun 1947 hingga ke hari ini telah menyaksikan berlaku lebih lima ratus kali pergaduhan antara Hindu-Islam. Pada tahun 1980 telah berlaku satu pergaduhan yang besar di bandar Moradabad, dimana orang Hindu telah menyerang orang Islam yang sedang melaksanakan solat Aidilfitri. Ini telah menyebabkan lebih tiga ribu orang Islam terbunuh.⁹⁰

Sejak awal 1960-an rusuhan anti-Islam telah meningkat dengan pesat. Pada tahun 1970 terdapat 26 kali pergaduhan. Pada pertengahan tahun 1968, rusuhan kaum telah mencapai 327 kes.⁹¹ Rusuhan yang terbesar telah berlaku pada tahun 1992 yang melibatkan kemusnahan masjid Babri.

Pergaduhan dan rusuhan antara Hindu-Islam seakan-akan menjadi satu tradisi yang susah untuk dihapuskan. Pergaduhan yang berlaku adakalanya melibatkan perkara yang tidak munasabah, seakan-akan retak menanti belah. Keadaan ini telah menjadi senario dalam zaman kontemporari ini. Ini jelas dimana akhbar-akhbar sering memperlihatkan berita rusuhan yang berlaku di India yang banyak mengorbankan nyawa.

⁸⁹ Ibid., hlm 305.

⁹⁰ Abu Ali al-Banjari an-Nadwi, **Sejarah Perkembangan Islam di India**, hlm. 233.

⁹¹ Dhuroruddin Mashad, **Agama dalam Kemelut Politik**, Pt Pustaka Cidesindo, Jakarta, 1999, hlm. 48.

Rusuhan yang berlaku di India selepas kemerdekaan ini adalah disebabkan oleh pengaruh ideologi *Hindutva* yang mewarnai masyarakat Hindu selepas kemerdekaan. Ini kerana terdapat risalah yang menulis ‘*hindustan ialah tanah orang Hindu dan tempat berkembang bagi negara Hindu semata-mata.*’⁹² Fahaman yang dikemukakan oleh Guru Goldwakar ke dalam politik India telah menyebabkan wujudnya fahaman anti-Islam dalam masyarakat Hindu yang akhirnya menyebabkan interaksi tidak berjaya dijalankan selepas kemerdekaan.

Ekonomi

Interaksi dari segi ekonomi jelas kelihatan apabila Akbar telah menghapuskan cukai *jizya* terhadap penduduk bukan Islam. Selain itu, cukai pilgram yang dikenakan terhadap mereka yang menziarahi tapak-tapak suci juga telah dihapuskan. Dengan cara ini masyarakat Hindu dapat menerima pemerintahan Islam sepenuhnya.⁹³

Pada zaman Mughal (1526-1803) ekonomi utamanya ialah pertanian. Lebih daripada 75 peratus daripada populasi penduduk melibatkan diri dengan tanah. Pertanian melibatkan tanaman gandum, nila, tebu, candu dan tenunan yang melibatkan kain jenis kapas, kain yang berdasarkan bulu biri-biri dan sutera.⁹⁴ Selain itu, India juga menjalankan aktiviti pertanian seperti sayur-sayuran dan

⁹² **Kurier Unesco**, 2, 1995, hlm. 28.

⁹³ M. Rajakrisnan dan M. Rjenthaler, **Pengantar Tamadun India**, hlm 120-121.

⁹⁴ R. C Majumdar, **The Mungal Empire**, Bharatiya Vidya Bhawan, Bombay, 1974, hlm 713-718.

buah-buahan, pengeluaran hasil hutan, tanaman lada hitam dan sebagainya. Kesemua hasil pertanian ini telah dieksport keluar daripada India. Sementara itu, India telah mengimport barang dari luar seperti jongkong emas dan perak, kuda, gading, besi, batu permata, barang China, arak Eropah dan hamba Afrika.⁹⁵

Pada abad ke-17 dan 18 dianggap sebagai sejarah ekonomi India moden yang lebih dikenali sebagai '*Industrial workshop of the world*'. Keperluan ekonomi asing menyebabkan perkembangan perusahaan. Kerajaan Mughal telah mengukuhkan *Karkhanas* ataupun kilang yang dikawal oleh penguasa seni dan kraftangan.⁹⁶ Ini jelas dapat dilihat oleh kenyataan Bernier, pengembara Perancis yang melihat kilang-kilang ini di Delhi iaitu:

*"Large halls are seen in many place, called kerkhanas or "workshop" for the artistan. In the hall embroidered are busily employed, superitended by the master. In another you see goldsmiths, in a third painters, in a fourth vanishers in lacquer work, in a fifth joiners, turners, tailor, shoemaker, in a sixth manufacturers of silk, brocade and those fine muslims of which are made turban, gilders with golden flowers, and [the fine] drawes worm by female.....beautifully embroidered with needle work. The artistants repair very morning to their respective workshop, where they remain employed the whole day; and in the evening return to their homes."*⁹⁷

⁹⁵ S. M. Edwards, **Mungal Rule in India**, S. Chan & Co, Delhi, 1956, hlm 267-268.

⁹⁶ Michael Edwards, **A History Of India From The Earliest Times To The Present Day**, Thames And Hudson, London, 1961, hlm 188.

⁹⁷ Ibid., hlm 188-189.

Perkembangan perindustrian yang dibawa daripada England telah merubah ekonomi di India. Pasaran British hampir sama dengan pasaran India. Hasil eksport India telah dikuasai oleh Syarikat India Timur Inggeris yang lebih dikenali sebagai East India Company (EIC). Selain itu, industri tempatan telah dihancurkan oleh EIC dengan mengadakan sekatan cukai dalaman yang menyekat pengaliran barang buatan India itu sendiri manakala barang British boleh mengalir bebas ke dalam India.⁹⁸ Kedudukan ekonomi kolonial Barat telah menyebabkan India menjadi pembekal barang mentah dan pasaran bagi barang industri Barat.⁹⁹

Pembentukan kapitalisme baru telah memberi kesan kepada sistem ekonomi India daripada hasil barang tangan tempatan dengan buruh daripada masyarakat tradisional telah menyebabkan hasil kraftangan ini lumpuh. Ia telah merubah struktur dan perkembangan masyarakat India. Ini telah menyebabkan India mengalami kejatuhan dari segi ekonomi dan pentadbiran.¹⁰⁰

Perkembangan keretapi di India telah membawa kesan positif dan negatif. Ini kerana banyak barang dari England dibawa masuk ke India. Perkembangan penenunan kain kapas telah berkembang di Ahmadabad dan Bombay dengan modal dan dimiliki orang India. Pengenalan cukai oleh kerajaan British terhadap kain kapas telah menjatuhkan industri tersebut. British berbuat demikian bagi menyekat saingan mereka dengan industri tekstil Lancashire. Perkembangan

⁹⁸ Jawaharlal Nehru, **The Discovery Of India**, Asia Publishing Houses, Bombay, 1969, hlm 298.

⁹⁹ Ibid., hlm 299.

¹⁰⁰ Ibid., hlm 303.

perindustrian barat di India sebenarnya telah menyebabkan ekonomi semulajadi India jatuh.

Sistem ekonomi yang diperkenalkan oleh British telah memusnahkan sistem ekonomi India yang berasaskan sistem ekonomi kampung. Masyarakat petani yang merupakan asas kepada ekonomi India telah mengalami kejatuhan dari segi fungsi ekonomi dan pentadbiran. Ini jelas menurut Sir Charles Metcarfe¹⁰¹, 1830 salah satu pemerintah British yang menyatakan bahawa:

“The village communities are little republics having nearly everything they want within themselves and almost independent of foreign relations. They seem to last where nothing else last. This union of the village communities, each one forming a separate little estate in itself... is in a hight degree conducive to their happiness, and to the enjoyment of a great portion of freedom and independence.”

Ini telah membawa kepada kemasuhan sistem ekonomi perkampungan. Keadaan ini menyebabkan seimbangan antara perindustrian dan pertanian menyediakan. Tekanan daripada pembentukan sistem tuan tanah telah merubah sepenuhnya sistem pemilikan tanah. Sistem ini telah diperkenalkan di Bihar dan Bengal yang lebih dikenali sebagai Skim Pembayaran tetap.¹⁰²

Sistem pembayaran tetap telah dipekenalkan oleh Lord Cornwallis untuk cukai bagi petani. Skim ini telah mengubah *Zamindar* (pengutip cukai tanah) menjadi tuan tanah, satu perkembangan yang tidak disangka membawa akibat buruk kepada golongan petani. Cornwallis juga turut bertanggungjawab

¹⁰¹ Jawaharlal Nehru, **The Discovery of India**, hlm 303.

¹⁰² Ibid., hlm 304.

memperkenalkan jawatan Pegawai Daerah yang bertugas sebagai pentadbir, pegawai perundangan dan pengutip cukai.¹⁰³ Sistem ini telah mengancam *ryot* daripada sistem *Pottah* dimana cukai yang dipaksa bayar tidak ditetapkan dan ditentukan oleh *parganas*. Sistem ini memaksa golongan *ryot* membayar cukai yang lebih jika hasil tanaman tidak menjadi. Mereka juga dinafikan hak yang dimiliki oleh kelas-kelas tertentu.¹⁰⁴

Sosial

Dalam membincangkan tentang keadaan sosial di India, kita akan membincangkan tentang sistem pendidikan di India. Bahasa Urdu yang menjadi bahasa umat Islam di India dan bahasa rasmi kerajaan India yang menggantikan bahasa Persia. Ia lahir hasil dari kacukan empat bahasa iaitu bahasa Sanskrit, bahasa Arab, bahasa Parsi dan bahasa Turki. Bahasa Urdu menjadi bahasa tertinggi dan menjadi bahasa yang digemari oleh para penulis dalam penulisan ilmiah dan satu-satunya bahasa yang difahami oleh kebanyakan penduduk India. Bahasa ini menjadi bahasa kedua di zaman penjajah Inggeris dan telah menjadi bahasa rasmi pejabat, sekolah dan mahkamah sehingga pada zaman Sir Anthony Mac Donald menjadi gabenor di Uttar Pradesh. Pada masa ini bahasa Urdu telah dimansuhkan dari menepati kedudukan kedua selepas bahasa Inggeris dan bahasa Hindu mengganti tempat bahasa Urdu.¹⁰⁵

¹⁰³ M. Rajakrisnan dan M. Rjenthaleran, **Pengantar Tamadun India**, hlm 138.

¹⁰⁴ R. C. Majmdor, **History of the Freedom Movement in India**, K. L. Mukhopadhyay, Calcutta, 1962, hlm. 104-106.

¹⁰⁵ Abu Ali Al-Banjari An-Nadwi, **Sejarah Perkembangan Islam di India**, hlm 232-233.

Pendidikan Inggeris telah menyebabkan masyarakat Islam menjadi mangsa kepada pemerintahan British. Orang Islam telah didiskriminasi di bawah pendidikan dan menyebabkan mereka tercicir daripada perkembangan ekonomi baru dan peluang pekerjaan. Syed Ahmad Khan telah menyatakan bahawa kemunduran pendidikan telah menyebabkan masyarakat Muslim mundur dari segi politik.¹⁰⁶

Pengenalan dasar pendidikan Inggeris pada abad ke-18 dan 19 telah membawa kepada pembukaan sekolah aliran Inggeris. Ini telah memberi kesan kepada pendidikan masyarakat Islam dan Hindu yang berdasarkan kepada agama. Kemunculan bahasa Inggeris telah menyebabkan masyarakat tempatan terpaksa memilih antara meneruskan sistem pendidikan yang sedia ada atau mengikuti sistem pendidikan Barat yang secara teorinya mempunyai ruang dan peluang pekerjaan yang lebih baik.¹⁰⁷

Sistem pendidikan ini lebih diterima oleh masyarakat Hindu dan ini menyebabkan mereka diberi ruang yang lebih untuk menjawat jawatan dalam kerajaan. Ini menjadikan kedudukan sosioekonomi orang Hindu lebih baik berbanding masyarakat Muslim kesan penerimaan mereka terhadap pendidikan Inggeris. Masyarakat Islam masih bertegas menghantar anak mereka ke sekolah

¹⁰⁶ B. R. Nanda, **Essays in Modern India History**, Oxford University Press, Bombay, 1980, hlm 223-224.

¹⁰⁷ Azharudin Mohamed Dali, "Konflik Agama di India" dalam **Jurnal Pemikir April-Jun 2002**, Utusan Malaysia (M) Bhd, Kuala Lumpur, 2002, hlm 22.

aliran agama yang menjadikan bahasa Urdu sebagai bahasa pengantar.¹⁰⁸

Sewaktu pemerintahan Inggeris, dasar pendidikan dan bahasa Inggeris telah mengetepikan bahasa Urdu dan mementingkan bahasa Inggeris untuk peluang pekerjaan dalam kerajaan, perniagaan dan profesion. Keadaan ini telah memusnahkan Delhi dan Lucknow yang merupakan pusat kajian sosial dan kajian terjemahan serta saintifik Urdu.¹⁰⁹

Selepas kemerdekaan memperlihatkan dimana kurangnya orang Islam yang memasuki bidang pekerjaan dalam kerajaan. Ini jelas dimana pada tahun 1987 quota yang diperolehi oleh orang Islam sebagai wakil kerajaan hanyalah 2 peratus sahaja sedangkan nisbah mereka adalah 11 peratus daripada jumlah keseluruhan masyarakat India iaitu 110 juta daripada 1000 juta penduduk India pada masa tersebut.¹¹⁰ Masyarakat Islam kurang diberikan peluang dalam sistem pekerjaan di India kerana sifat bias masyarakat Hindu sendiri yang menganggap masyarakat Islam sebagai benalu di negara mereka.

Selain itu, selepas kemerdekaan menyaksikan dimana bahasa Urdu yang menjadi bahasa kedua setelah bahasa Inggeris semasa zaman penjajahan British telah dimansuhkan dan digantikan dengan bahasa Hindi. Selain itu kerajaan telah mengiktiraf sebelas bahasa yang sah dijadikan bahasa tempatan dengan cara tulisannya yang tersendiri dan bahasa Urdu disenaraikan sebagai bahasa terakhir

¹⁰⁸ Ibid., hlm 22.

¹⁰⁹ R. Rajakrishnan dan M. Rajenthaler, **Pengantar Tamadun India**, hlm 143.

¹¹⁰ Abu Ali al-Banjari an-Nadwi, **Sejarah Perkembangan Islam di India**, hlm. 234

sekali dalam susunan pengiktirafan. Ini jelas dapat dilihat pada helaian wang India.¹¹¹

Perkembangan sistem pendidikan juga telah membawa kepada perkembangan sistem persuratkhabaran. Ia kesan daripada perkembangan sistem pengangkutan dan komunikasi seperti keretapi, kapal stim dan pejabat pos telah membawa pengaruh kepada percetakan. Suratkhabar pertama yang dicetak dipanggil *Bengal Gazette* yang dikeluarkan oleh J. A. Hichy pada tahun 1780 yang dianggap akhbar politik mingguan dan pengiklanan yang terbuka kepada semua parti dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak.¹¹²

Di Madras, surat khabar pertama dikenali sebagai the *Weekly Madras Courier* yang diterbitkan pada tahun 1785 dan di ikuti oleh Bombay dengan akhbaranya *Bombay Herald*. Surat khabar yang mula-mula diedit oleh orang India ialah *Hindoo Patriot* pada tahun 1853 dan diedit oleh Haris Chandra Murkherji.¹¹³ Akta Akhbar telah dibentuk pada 14 Mac 1823 dimana sesiapa tidak dibenarkan menerbit akhbar atau risalah tanpa terlebih dahulu mendapatkan lesen daripada Suruhanjaya Gabenor-Jeneral.¹¹⁴

¹¹¹ Ibid., hlm 233.

¹¹² R. C. Majmdor, **History of the Freedom Movement in India**, hlm 306-307.

¹¹³ Ibid., hlm 308

¹¹⁴ Ibid., hlm 309.

Pada tahun 1912, berlaku perkembangan persuratkhabaran dalam bentuk pemikiran Islam. Akhbar tersebut dikenali sebagai *Al-Hilal* dalam bahasa Urdu dan *The Comrade* dalam bahasa Inggeris. *Al-Hilal* telah diasaskan oleh Abul Kalam Azad yang menerima pendidikan di Universiti Al Azhar di Cairol. Ia menerima pengaruh daripada gerakan reformis Egypt, Turki, Syria, Palestine, Iran dan Iraq. Ini kerana beliau mendapati perkembangan gerakan nasionalisme di Turki ada persamaan dengan di India. *The Comrade* telah diterbitkan oleh Maulana Mohamad Ali yang menerima pendidikan tradisi Islam dan Inggeris. Ia menentang politik yang agresif.

Namun selepas kemerdekaan, peranan media seperti suratkhabar telah dieksplotasi sepenuhnya. Penulisan akhbar selepas kemerdekaan banyak memburukkan masyarakat Islam di India. Mereka dilihat sebagai golongan yang memberontak, pemalas dan sebagainya. Penulis-penulisnya yang pro-Hindu telah menyebabkan berita yang disampaikan bertentangan dengan maklumat yang sebenar. Contohnya akhbar Samachar dan Sandesh yang menyiaran berita yang pro Hindu. Ini jelas dimana akhbar Sandesh sendiri mengeluarkan kenyataan “darah dibalas dengan darah” dimuka hadapan akhbarnya semasa rusuhan berlaku di Sabarmati ekspress.¹¹⁵

Dari sini jelas bahawa bahasa Inggeris telah menjelaskan ekonomi, sosial dan politik masyarakat Islam. Keadaan ini telah menyebabkan kedudukan masyarakat Islam ini mengalami kejatuhan. Dasar Inggeris ini telah menyebabkan

¹¹⁵ Frontline, 2 Ogos 2002.

munculnya gerakan reformis dan pemulihan muslim yang akhirnya membentuk parti-parti politik Islam di India.

Keagamaan

Interaksi yang paling jelas hasil daripada agama Hindu dan Islam ialah terbentuknya agama Sikhism. Agama ini sebenarnya hasil gabungan daripada hubungan antara agama Islam dan dokrin yang lahir daripada agama Hindu.¹¹⁶ Ia dikenali sebagai gerakan Bhakti yang telah diasaskan oleh Kabir (1440-1518 M dari Banares) dan Nanak (1469-1539 dari Punjab). Nanak telah berjaya melahirkan satu bentuk agama yang bukan Islam dan bukan Hindu.¹¹⁷

Gerakan Bhakti ini merupakan satu gerakan ritual yang telah dijalankan oleh golongan Brahmin. Ini dapat dilihat dalam kenyataan bahawa:

“The Bhakti Movement, it is well known, started with spirit of decided critism and protest against the essentially jati-ridden and ritualistic Brahmanism of the priests as much as against the barren scholasticism of brahman intelektuals”¹¹⁸

Gerakan ini dikenali sebagai anti-brahmin dan golongan Islam yang mengikut ajaran ‘blind leading the blind’.

Agama Sikhism tertumpu di wilayah Punjab. Agama ini bersifat sikronitasi antara agama Hindu dan Islam. Agama ini muncul agak lewat, sekitar abad ke-15 apabila Kabir telah mengambil ciri-ciri tradisi Hindu dan Islam bagi

¹¹⁶ Lawis M. Hopge, **Religions of the World**, 3ed Macmillan Publishing Co, New York, 1983, hlm 122.

¹¹⁷ Mircea Eliade, **Encyclopedia of Religions**, hlm 357-358.

¹¹⁸ N. N. Bhattacharyya, **Medieval Bhakti Movements in India**, Munshiram Manoharlal Publisher Pte. Ltd, New Delhi, 1999, hlm 48.

mewujudkan ajaran agama yang antara lain menekankan mothoeism, penghapusan kasta dan penyembahan tuhan. Ia berkaitan dengan latar belakang Kabir yang mempunyai ayah yang beragama Islam dan ibunya yang beragama Hindu. Usaha Kabir diteruskan oleh Guru Nanak yang hidup antara tahun 1469 hingga 1533 dengan mementingkan aspek kebatinan dan kepercayaan yang kuat.¹¹⁹

Nanak merupakan penganut agama Hindu. Beliau lahir pada tahun 1469 M di kampung Talwandi, 30 batu dari Lahore. Dia merupakan pemuda yang baik dan pandai bersyair.¹²⁰ Beliau telah mengajar Nam Simran, iaitu agama ketuhanan dan kebebasan roh. Kebanyakan ajarannya dibuat dalam bentuk puisi dan diajar di kuil Sikh hingga sekarang.

Guru Nanak kedua dikenali sebagai Angad. Beliau bertanggungjawab memperkuuhkan pengnut-penganut Sikh. Guru ketiga pula ialah Guru Amar Des yang memperkenalkan perayaan Sikh bagi mengeratkan hubungan masyarakat. Perayaan yang dimaksudkan ialah perayaan kelahiran, kematian dan perkahwinan.¹²¹ Guru yang keempat pula Guru Ramdas yang bertanggungjawab mendirikan Golden Temple di Amritsar (Danau Keabadian) yang dikatakan menyaingi Taj Mahal.¹²² Guru Arjun yang menyusun himpunan Adi Grant berdasarkan catatan guru-guru sebelumnya, menetapkan pakatan kebesaran bagi

¹¹⁹ Azhar Hj. Md Arus, *Titas 2*, hlm 133

¹²⁰ David S. Noss, *A History Of The World's Religious*, hlm 238.

¹²¹ Karen, Farrington, *Hamly 2, History Religious*, Great Britain, 1998, hlm 154-155.

¹²² Azhar Hj. Md Arus, *Titas* hlm 133

upacara keagamaan, menetapkan yuran wajib bagi setiap anggota dan menjalankan organisasi penentangan terhadap Mungal.

Beliau juga menjalankan sistem hasil dan melantik pemungut cukai. Beliau juga menjalankan perniagaan sutera India ke Afghanistan, Persia dan Turki serta menjual rempah ratus dan kuda. Kejatuhan beliau bermula apabila beliau berpaktat dengan pemberontak dan ditangkap. Beliau mati pada bulan Jun 1606.¹²³

Guru Har Govind pula menjadikan pedang sebagai lambang kepimpinan dan merombak Sikhism dari lembaga keagamaan menjadi lembaga militan.¹²⁴ Guru Har Rai pula dikenali kerana peranannya membuka hospital yang memberi rawatan percuma.¹²⁵ Guru Govind Singh yang membentuk komuniti-komuniti Sikh menjadi kumpulan militan menerusi penubuhan Khalsa atau kumpulan pahlawan.

Agama Sikh telah berjaya diperluaskan di sekitar Punjab. Selain itu ia berjaya disebarluaskan di berapa kawasan di India seperti di Gujarat, Rajasthan, Uttar Pradesh, Calcutta dan Kashmir. Agama ini hanya menjadi salah satu agama minoriti di India dan tersebar di kawasan tertentu sahaja.

¹²³ Miercea Eliade, **The Encyclopedia of Religion**, 1987, Vol. 7, hlm 317-319.

¹²⁴ Azhar Hj. Md Arus, **Titas**, hlm 134

¹²⁵ Karen, Farrington, **Hamly History Religious**, hlm 155.

Kaum Sikh merupakan satu kaum yang mengikut ajaran Guru Nanak. Ajaran ini bertujuan untuk melepaskan diri dari agama Hindu dan menentang sistem kasta. Mereka tidak mahu memeluk Islam kerana menganggap ia sebagai agama penjajah.

Hasil daripada kajian didapati bahawa mantera ataupun kata-kata suci ajaran ini telah dicipta oleh Nanak bersama-sama seorang pengikutnya yang beragama Islam. Kerangka ajaran Sikh sebenarnya adalah mengikut ajaran Hindu tetapi terdapat beberapa ajarannya yang dikatakan mempunyai persamaan dengan ajaran Islam.¹²⁶

Selain itu, Akbar telah mewujudkan satu agama baru hasil gabungan dokrin kesemua agama yang dipelajari oleh baginda iaitu agama Islam, Zoroaster, Hindu, Jaina dan Kristian. Agama tersebut dikenali sebagai Din-Illahi (kesatuan ketuhanan) yang diumumkan oleh baginda pada tahun 1581M. Namun tindakan ini mendapat padah kepada baginda kerana penyatuan agama ini menyebabkan Akbar dianggap merosakkan agama tersebut. Ia mendapat bantahan dari aliran ulama Islam, sami-sami- Hindu dan Buddha serta paderi-paderi Kristian serta golongan agama Majusi.¹²⁷

¹²⁶ Azhar Hj. Md Arus, **Titas 1**, hlm 58.

¹²⁷ Ibid., hlm 42.

Jelaslah disini bahawa sebelum kedatangan Barat ke India, interaksi yang berlaku di India adalah berbentuk harmoni. Satu interaksi yang baik telah dilihat sepanjang zaman pemerintahan Islam di India. Pada masa tersebut dilihat bahawa masyarakat boleh menerima kedatangan Islam dan masyarat Hindu-Islam dapat hidup dibawah satu bumbung yang sama. Mereka menyambut perayaan bersama-sama dan menghormati hak masing-masing.

Namun begitu selepas kedatangan British telah wujud satu jurang yang besar antara masyarakat Hindu-Islam. Keadaan ini disebabkan oleh dasar British itu sendiri yang mengamalkan dasar ‘pecah dan perintah’. Selepas kemerdekaan India dan perpecahan Pakistan daripada India, masyarakat Islam telah didiskriminasi dan ditindas. Ini kerana wujudnya fahaman *Hindutva* yang cuba membangkitkan keagungan agama Hindu dan menuntut India sebagai negara Hindu.

Dalam memperlihatkan pencapaian Islam, interaksi itu sendiri merupakan satu bentuk sumbangan dan cabaran utama yang telah dengan jayanya dilakukan di India kesan daripada wujudnya pelbagai bentuk agama. Interaksi yang wujud di India itu melambangkan satu cabaran besar bukan sahaja dalam zaman awal malah berterusan sehingga zaman kontemporari kerana peradaban Islam di India itu tidak berhenti malah berlangsung sehingga ke hari ini.